

09 SEP 1997

Mahathir-Sawit

MALAYSIA PROMOSI MINYAK SAWIT DI MONGOLIA

Oleh: Zulkifli Salleh

ULAN BATOR (Mongolia), 9 Sept (Bernama) -- Malaysia hari ini menawarkan kemudahan kredit sebanyak AS\$5 juta kepada Mongolia bagi membeli minyak sawitnya sebagai langkah memperkenalkan komoditi itu di negara ini, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Beliau berkata kemudahan itu ditawarkan kepada Mongolia pada perbincangan dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Mongolia, M. Enkhsaikhan di sini, hari ini.

Dr Mahathir adalah dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke sini atas jemputan kerajaan Mongolia.

"Memandangkan minyak sawit masih belum dikenali rakyat Mongolia, kami mahu mereka mencubanya sebagai satu alternatif kepada minyak makan yang lain dengan harapan dapat mengeksportnya jika mereka mendapatinya sesuai," katanya kepada para wartawan Malaysia.

Abdullah berkata bagaimanapun, kerajaan Mongolia tidak menyatakan sama ada mereka menerima tawaran itu.

Malaysia hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknikal Aplikasi Minyak Sawit di Mongolia dengan Khunstex Technology, sebuah syarikat pemproses makanan Mongolia yang akan mempromosikan minyak sawit di negara yang mempunyai 2.5 juta penduduk itu.

"Walaupun pasaran minyak sawit di Mongolia adalah kecil, mungkin ia dapat berperanan sebagai pusat perantara bagi eksport kita dalam bidang ini," kata Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Datuk Harun Siraj, yang menandatangani MoU itu bagi pihak Malaysia.

Beliau berkata sebagai permulaan, Malaysia bercadang mengeksport minyak sawit ke Mongolia dalam bentuk lemak tepu khususnya bagi pembuatan marjerin dan sabun.

"Memandangkan minyak sawit mudah tepu dalam cuaca sejuk, kami tidak mahu rakyat Mongolia memikirkan bahawa minyak itu rendah mutunya berbanding minyak makan lain," katanya.

Sehubungan itu, pengarah eksekutif Khunstex, B. Khukhenkhu, akan melawat Malaysia tidak lama lagi bagi mengenali lebih lanjut mengenai minyak sawit termasuk penyelidikan negara terhadap bahan komoditi itu.

Menurut Harun kira-kira 90 peratus daripada keperluan minyak makan Mongolia bergantung kepada lemak babi yang dimport. -- BERNAMA

ZKS NAK